

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian untuk menangani masalah penyelarasan kemasukan pelajar-pelajar ke IPT yang terganggu akibat COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pendaftaran pelajar baharu ke IPT bagi sesi akademik 2020/2021 ke program Ijazah Sarjana Muda telah dirancang pelaksanaannya pada bulan Oktober 2020. Atas pematuhan kepada Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19 dan nasihat dari Kementerian Kesihatan Malaysia serta Majlis Keselamatan Negara, sesi pendaftaran dan kemasukan pelajar baharu atau sedia ada secara bersemuka telah ditangguhkan. Penangguhan ini mengakibatkan sebahagian daripada proses pendaftaran pelajar baharu perlu dibuat secara dalam talian.

Sebagai langkah untuk menangani isu-isu berbangkit akibat penangguhan tersebut, Kementerian telah memastikan kesiapsiagaan penyelarasan maklumat di peringkat Kementerian dan juga universiti dilaksanakan segera. Bilik Gerakan di peringkat Kementerian telah diaktifkan semula sebagai pusat sehati untuk membolehkan para pelajar, ibu bapa, warga IPT, atau masyarakat umum mendapatkan

## NO. SOALAN : 13

maklumat berkaitan dengan penangguhan sesi pendaftaran dan kemasukan pelajar baharu atau sedia ada secara bersemuka. Informasi berkenaan dengan inisiatif bantuan yang disediakan bagi pelajar yang terjejas turut boleh diperolehi dengan menghubungi Bilik Gerakan ini. Selain itu, semua universiti awam juga telah mengaktifkan talian *hotline* masing-masing bagi memastikan penyaluran maklumat yang tepat dan sahih dapat diselarasakan bagi membantu pelajar, ibu bapa dan juga warga universiti. Pelajar dan orang ramai juga boleh mengemukakan aduan dan pandangan dengan menghubungi *hotline* ini.

Kementerian seterusnya mengambil langkah untuk menyelaras semula jadual tiket perjalanan bagi pelajar yang terkesan oleh penangguhan kemasukan tersebut. Penyelarasan ini dibuat dengan kerjasama syarikat-syarikat pengangkutan udara dan darat seperti Malaysia Airlines, AirAsia, Malindo Air dan FireFly serta pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Melalui kerjasama ini, pihak syarikat penerbangan mahupun pengangkutan darat telah bersetuju untuk memberikan pelajar kemudahan untuk menjadualkan semula pergerakan mereka tanpa dikenakan sebarang implikasi kos tambahan.

Sebagai langkah untuk memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) pelajar tidak terjejas dan dapat terus dilaksanakan, pihak pengurusan universiti awam turut menyantuni kebajikan para pelajar yang terkesan di kampus dengan menyediakan bantuan berbentuk pemberian pelan data dan peranti secara percuma atau pada harga tawaran istimewa hasil rundingan bersama syarikat telekomunikasi dan juga syarikat peranti komputer. Selain daripada itu, pengurusan universiti turut menyediakan elaun sara hidup dan bantuan makanan bagi memastikan kebajikan dan sara hidup mereka juga terpelihara.

Sekian, terima kasih.\_